



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1980

DR.17/1980

Naskah sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1979.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1980.

Tajuk ringkas.

2. Seksyen-kecil (2) seksyen 1 Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1979 adalah dipinda—

Pindaan bagi seksyen 1. Akta A450.

(a) dengan menambah selepas sahaja perkataan “Warta”, perkataan-perkataan “, dan Menteri boleh menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan bagi peruntukan-peruntukan yang berlainan Akta ini, dan tarikh-tarikh yang ditetapkan itu mungkin lebih dahulu dari tarikh pemberitahu itu disiarkan dalam *Warta*:”; dan

(b) dengan menambah proviso yang berikut:

“Dengan syarat bahawa jika tarikh yang ditetapkan bagi mula berkuatkuasanya sesuatu peruntukan Akta ini adalah lebih dahulu dari tarikh pemberitahu itu disiarkan dalam *Warta*, maka ianya tidaklah mempunyai kesan sebagai boleh dipakai, mengenai peruntukan itu, apa-apa penalti bagi sesuatu kesalahan mulai dari suatu tarikh yang lain daripada tarikh selepas sahaja tarikh tersiarnya pemberitahu itu dalam *Warta*.”.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk membolehkan Menteri menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan bagi mula berkuatkuasanya peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1979 yang mana tarikh atau tarikh-tarikh itu mungkin lebih dahulu dari tarikh tersiarnya pemberitahu itu dalam *Warta*.

2. Memandangkan seksyen 43 Akta Tafsiran 1967 kuasa yang nyata perlu diperuntukkan sekiranya Menteri bercadang hendak menetapkan tarikh yang berkuatkuasa kebelakangan dan tarikh-tarikh yang berlainan bagi peruntukan-peruntukan yang berlainan. Bagaimanapun penalti mengenai kesalahan-kesalahan adalah dikecualikan dari kuatkuasa kebelakangan itu.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1045.]